## KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
## TARIKH: 16 OGOS 2016 (SELASA)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Programmes to spur commercialisation | New Straits Times |
| 2. | 8 akademi sains ASEAN beri sumbangan terhadap inovasi | Utusan Malaysia |
| 3. | Tangani kemiskinan, ketidaksamarataan melalui sains – Sultan Nazrin | Utusan Malaysia |
| 4. | Manfaat sains, teknologi bina keamanan | Berita Harian |
| 5. | Perak ruler: Technology can reduce conflict | New Straits Times |
| 6. | Tulang ikan hasilkan roti piza | Utusan Malaysia |
| 7. | Switch off from your phones, urges Sultan Nazrin | The Star |
| 8. | Sultan Nazrin: Use science, technology for peace | The Sun |
| 9. | Keeping electrical leakage at bay | The Star |

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B4
TARIKH : 16 OGOS 2016 (SELASA)

# Programmes to spur commercialisation

CHERYL YVONNE ACHU

**PUTRAJAYA:** The Finance Ministry and Science, Technology and Innovation Ministry have teamed up to marshal a business matching programme and business model bootcamp.

The programmes are part of the Malaysia Commercialisation Year 2016 (MCY 2016) activities under the 1Malaysia Entrepreneur (1Met).

1Met is an initiative by the National Entrepreneurship Development Office of the Finance Ministry. It aims to obtain a 25 per cent increase of technology transfer and commercialisation.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said yesterday some 150 technology and innovation-related products produced through the National Blue Ocean Strategy were ready to be commercialised for local and international markets this year.

"The products were among those produced by 25 organisations, agencies and research institutions under the nine ministries that managed research and development in conjunction with MCY 2016."



*Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Seri Madius Tangau** (right) and Finance Ministry National Strategy Unit director **Dr Aminuddin Hassim** at the 1Malaysia Entrepreneur business matching programme and business model bootcamp in Putrajaya yesterday.* **Pic by Ahmad Irham Mohd Noor**

He said each agency was given the task to produce as least five products to be commercialised throughout the year.

Finance Ministry National Strategy Unit director Dr Aminuddin Hassim said every agency involved had given its commitment to generate products for commercialisation.

"There are prizes totalling RM1 million to be won by successful agencies that met their key performance indicators for the production of the best technology and innovation products. The winners will be announced during an international conference at the Kuala Lumpur Convention Centre on November 2," he added.

Meanwhile, the 1Met bootcamp, which ended yesterday, saw the participation of 250 people.

Tangau said there were 20 onsite mentors, who were experienced entrepreneurs and experts in various business sectors.

"These mentors were assigned to facilitate hands-on activities which comprised problem area identification, introduction to technologies provided by the Science, Technology and Innovation Ministry, design thinking to match technology to problem areas, business model and business plan development using lean canvas and development of pitching for funding or programmes," he said.

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04**
**TARIKH: 16 OGOS 2016 (SELASA)**

# 8 akademi sains ASEAN beri sumbangan terhadap inovasi

**KUALA LUMPUR 15 Ogos** - Sebanyak lapan akademi sains di peringkat ASEAN bergabung untuk membentuk rangkaian perkongsian platform, Network of Science Academies (Netasa) yang bermatlamat menyediakan nasihat berwibawa mengenai dasar-dasar formulasi ekonomi, sosial dan pembangunan budaya serantau.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, menerusi Netasa, ahli-ahli dalam akademi itu akan mendapat sokongan dalam memberi sumbangan terhadap sains, teknologi dan inovasi di negara-negara ASEAN.

Malah katanya, inisiatif itu dapat memberi pengaruh yang tinggi kepada pembuat keputusan di negara masing-masing dan juga di dunia.

"Saya berharap menerusi diplomasi sains, Malaysia boleh menjadi juara dalam sains untuk keamanan yang mana negara ini mempunyai mekanisme-mekanisme untuk melaksanakan sains yang baik, selain dapat menaikkan nama negara-negara yang mengambil bahagian," katanya sewaktu berucap dalam majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Sains Untuk Keamanan di sini hari ini.

> **Inisiatif itu dapat memberi pengaruh yang tinggi kepada pembuat keputusan di negara masing-masing dan juga di dunia."**
>
> **MADIUS TANGAU**
> **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**

Yang turut hadir, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Sultan Nazrin yang merasmikan persidangan itu turut menyampaikan sijil pengiktirafan Penyelidikan Saintis Terbaik Malaysia (TRSM) kepada 10 penyelidik tempatan.

Tambah Madius, beliau percaya bahawa sains memainkan peranan penting dalam menggubal dasar-dasar di peringkat antarabangsa dan diplomasi.

Katanya, sains menyediakan pertemuan idea, ilmu pengetahuan, kepakaran dan sumber-sumber yang dapat mengatasi halangan-halangan bersifat nasional dan disiplin tradisional.

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04**
**TARIKH: 16 OGOS 2016 (SELASA)**

**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH berkenan menyampaikan sijil penghargaan Anugerah 2016 Penyelidikan Saintis Terbaik Malaysia kepada Mazlan Hashim (kiri) di Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Madius Tangau. - BERNAMA**

# Tangani kemiskinan, ketidaksamarataan melalui sains - Sultan Nazrin

**KUALA LUMPUR 15 Ogos** - Kemiskinan dan ketidaksamarataan antara masyarakat mesti ditangani menerusi sains dan teknologi kerana kedua-dua masalah itu boleh menyebabkan konflik dan keganasan dunia.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, teknologi sedia ada dan baharu boleh menghentikan kemusnahan alam sekitar, mengurangkan atau menghapuskan penyakit serta menyumbang kepada peningkatan tahap pembangunan manusia merentasi pelbagai komponen.

"Sumber-sumber tenaga diperbaharui seperti tenaga suria contohnya, mampu mengubah kehidupan miskin bandar dan pedalaman sekiranya dapat dilaksanakan secara efektif.

"Aplikasi-aplikasi inovatif pintar terutama dalam mekanisme pembayaran pula dapat memberi impak yang sangat positif. Aplikasi sains dan teknologi juga boleh membina keamanan dan kestabilan," titah baginda sewaktu merasmikan Persidangan Antarabangsa Sains Untuk Keamanan di Hotel Royale Chulan di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Sultan Nazrin turut menyampaikan sijil pengiktirafan Penyelidikan Saintis Terbaik Malaysia (TRSM) kepada 10 penyelidik tempatan.

Mereka ialah Prof. Dr. Azman Hassan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Prof. Ir. Dr. Dominic Foo Chwan Yee (University of Nottingham, Malaysia); Prof. Dr. Latiffah Abdul Latiff (Universiti Putra Malaysia); Prof. Dr. Liong Min Tze ( Universiti Sains Malaysia) dan Dr. Loh Soh Kheang dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Turut menerima pengiktirafan ialah Prof. Dr. Mazlan Hashim (UTM); Prof. Dr. Noor Hayaty Abu Kassim (Universiti Malaya); Prof. Madya Dr. Suzana Yusup (Universiti Teknologi Petronas); Prof. Dr. Tharek Abdul Rahman (UTM) dan Prof. Dr. Yvonne Lim Ai Lian dari Universiti Malaya.

Sultan Nazrin bertitah, inovasi dalam sains dan teknologi merentasi spektrum memiliki potensi yang besar untuk menangani sekurang-kurangnya beberapa cabaran yang dihadapi pada waktu ini, namun dalam masa sama potensi itu boleh dihalang oleh kehendak politik dan realiti ekonomi.

"Sains dan teknologi juga boleh disalah guna untuk menjana keganasan berbanding menonjolkan keamanan. Sekiranya perkembangan teknologi dan saintifik menyumbang kepada keamanan dan pembangunan, ia mesti diurus secara efektif berbanding waktu sekarang," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah, sekiranya semua pihak serius untuk menjuarai keamanan, halangan-halangan konvensional perlu diatasi selain menjalin lebih banyak kerjasama dengan pelbagai pihak dan menggunakan pendekatan bermanfaat terhadap tadbir urus global serta cabaran-cabarannya selain perancangan bersepadu dan tindakan sinergi.

"Sebagai contoh, ia memerlukan kepimpinan tanpa kompromi dan secara keseluruhannya pelbagai pihak berkepentingan bekerja bersama-sama bagi mencapai matlamat tersebut," titah baginda.

**KERATAN AKHBAR**
**BERITA HARIAN (SAINS & TEKNOLOGI) : MUKA SURAT 14**
**TARIKH : 16 OGOS 2016 (SELASA)**

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]


***Sultan Nazrin bersama 10 penerima*** *Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2016 sempena Persidangan Antarabangsa Sains Untuk Keamanan di ibu negara, semalam.*

# Manfaat sains, teknologi bina keamanan

➲ Kemajuan rentasi sempadan konvensional mampu pacu pembangunan luar bandar

**Oleh Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Kemiskinan dan ketidaksamaan yang menimbulkan konflik serta keganasan boleh diatasi melalui penyelesaian yang diambil daripada sains dan teknologi, titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Sultan Perak memberi contoh, teknologi sedia ada dan baharu boleh menangani atau mengubah degradasi alam sekitar, mengurang atau menghapuskan pendedahan kepada penyakit serta menyumbang kepada usaha meningkatkan tahap pembangunan insan yang meliputi pelbagai komponen.

Baginda yang menyampaikan ucaptama pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Sains Untuk Keamanan, di sini semalam, bertitah pembangunan sumber tenaga diperbaharui seperti tenaga suria pula boleh mengubah taraf kehidupan masyarakat miskin bandar dan pedalaman jika dapat dilaksanakan secara berkesan.

"Aplikasi inovatif pintar terutama dalam mekanisme pembayaran pula dapat memberi impak yang sangat positif. Dalam pelbagai cara lain, aplikasi sains dan teknologi dapat membantu membina keamanan dan kestabilan," titah baginda.

**Rentasi sempadan**

Sultan Nazrin juga mahu inovasi serta kepesatan sains dan teknologi diurus sebaik mungkin bagi mengelakkannya disalahgunakan untuk menggalak keganasan berbanding keamanan, malah dalam memperjuangkan keamanan, urusan tidak boleh seperti biasa.

"Jika kita ingin memastikan kemajuan luar biasa, sains dan teknologi yang ada digunakan untuk memupuk keamanan dan pembangunan, kita perlu merentasi sempadan konvensional dan mengguna pakai pendekatan lebih bersifat kolaboratif serta berorientasikan nilai terhadap tadbir urus global dan cabarannya.

"Ini memerlukan pemikiran bersifat transformatif, perancangan bersepadu dan tindakan bersinergi. Memerlukan kepemimpinan yang boleh diteladani, tegas dan menuntut keseluruhan spektrum pemegang taruh berganding bahu ke arah mencapai matlamat itu," titah baginda.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau serta Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

**Untuk video**
layari www.bharian.com.my

# 10 terima Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia

**Kuala Lumpur:** Seramai 10 saintis dari universiti awam dan swasta serta agensi berkaitan kerajaan menerima Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2016, semalam.

Anugerah terbabit yang diperkenalkan pada 2010 oleh Akademi Sains Malaysia disampaikan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sempena Persidangan Antarabangsa Sains Untuk Keamanan di ibu negara, semalam.

Antara penerimanya, Prof Dr Azman Hassan dari Universiti Teknologi Malaysia; Prof Dr Dominic Foo Chwan Yee (University of Notthingham, Kampus Malaysia) serta Prof Dr Latiffah Abdul Latif dari Universiti Putra Malaysia.

Yang turut menerima, pakar biomas dan tenaga bio dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Dr Loh Song Kheang serta pakar teknologi hijau dari Universiti Teknologi Petronas, Prof Madya Dr Suzana Yusup.

**Persidangan dua hari**

Setakat ini, 120 saintis sudah menerima anugerah berkenaan, iaitu 27 saintis pada 2012, 2013 (35), 2014 (34) dan 14 menerimanya pada tahun lalu.

Persidangan dua hari bermula semalam turut menampilkan panel terkenal dari pelbagai latar belakang, termasuk Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid.

Yang turut diundang sebagai panel, Penolong Setiausaha Agung Rakan Strategik Persekutuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood serta Pengerusi Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global, Tan Sri Razali Ismail.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Yayasan Basmi Kemiskinan, Datin Hartini Osman yang turut menjadi ahli panel persidangan, berkata kepesatan teknologi begitu membantu dalam mengurangkan kemiskinan bandar.

"Biarpun penggunaannya memerlukan kawalan, setiap aplikasi yang ada pada teknologi terkini berupaya mempercepatkan penyampaian sesuatu maklumat. Inovasi sangat sinonim untuk mencapai satu maklumat di mana (pembasmian) kemiskinan boleh dipercepatkan tindakannya," katanya.

**KERATAN AKHBAR**
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 05**
**TARIKH: 16 OGOS 2016 (SELASA)**

*Sultan of Perak* ***Sultan Nazrin Muizzuddin Shah*** *(right) presenting the Top Research Scientists Malaysia award to Professor Dr Azman Hassan from Universiti Teknologi Malaysia at the* ***Science for Peace International Conference*** *in Kuala Lumpur yesterday. With them is Science, Technology and Innovation Minister* ***Datuk Seri Madius Tangau***. Pic by Mohd Yusni Ariffin

# Perak ruler: Technology can reduce conflict

**KUALA LUMPUR:** Science and technology are the key to solving issues related to poverty and inequality that drive conflict and violence, said Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

He said there were existing and emerging technologies that could arrest or even reverse environmental degradation, reduce or eliminate exposure to disease, and raise human development across various components.

"Renewable energy sources such as solar power, for example, can transform the lives of poor urban and rural dwellers if harnessed effectively.

"We would do well to consider explicitly how innovations in science and technology can contribute more effectively to address these areas of human security and development that are such an essential aspect of peace."

However, Sultan Nazrin said while scientific and technological innovation had the potential to do good, it could also cause immense harm.

"It is imperative that we harness and direct their power into providing practical solutions for human needs and prevent them from feeding human greed for power and wealth.

"This challenge is becoming increasingly pertinent as the transformational impacts of scientific and technological innovations in various fields continue to unfold, bringing great opportunities but carrying grave risks," he said in his address before opening the Science for Peace International Conference here yesterday.

He said there was a worrying trend of increasing violence as reported by the Global Peace Index, which showed a decade of decline in measures of peace, with further falls this year.

He said the negative trend was due to higher levels of terrorism and political instability, with only 10 countries free from conflict, according to the index's indicators.

"The index highlights growing global disparities, with those countries that were already less peaceful spiralling into greater violence, while more peaceful countries continue to advance politically, economically and socially."

He said the heavy economic toll from high levels of violence on the global economy was estimated at US$13.6 trillion (RM54.5 trillion) for last year, which included spending on military and internal security, as well as economic losses due to conflict, crime and interpersonal violence.

**KERATAN AKHBAR**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 06**
**TARIKH: 16 OGOS 2016 (SELASA)**

# Tulang ikan hasilkan roti piza

**KUALA TERENGGANU 15 Ogos** - Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya menghasilkan satu formula saintifik daripada sisa tulang ikan yang membolehkan roti piza diperkayakan dengan kandungan kalsium tinggi.

Formula itu merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan mampu menyumbang sebanyak enam kali ganda kalsium atau 240 miligram untuk setiap hirisan piza berbanding hanya 40 miligram bagi saiz sama yang terdapat di pasaran.

Kumpulan sembilan penyelidik berkenaan diketuai oleh Dr. Mohd. Nizam Lani dengan pasukannya iaitu Dr. Mohd. Sabri Mohd. Ghazali; Dr. Nor Fazliyana Mohtar; Dr. Yusnita Hamzah; Dr. Maisara Abdul Kadir; Dr. Siti Nur'Afifah Jaafar; Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan; Dr. Muhammad Abi Sophian Abduk Halim dan Dr. Siti Nur 'Atikah Zulkifli.

Menurut Mohd. Sabri, projek penyelidikan itu berlangsung selama 18 bulan secara fasa demi fasa sejak April 2015 menerusi Dana Inovasi Komuniti (CIF) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berjumlah RM410,000 dengan idea diilhamkan oleh pihak industri iaitu Koperasi Bukit Gantang, Manir di sini yang terlibat dalam perniagaan penjualan piza berjenama Mystreet Pizza.

"Tulang ikan merupakan satu daripada bentuk sisa yang memiliki kandungan kalsium terbanyak dalam tubuh ikan, jadi menerusi kerjasama strategik dengan Koperasi Bukit Gantang ini, sisa berkenaan dapat diproses menjadi serbuk hidroksiapatit yang terbukti selamat untuk dimakan menerusi ujian toksikologi yang dijalankan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan.

"Sebelum wujudnya projek seperti ini, sisa tulang ikan di Kuala Terengganu gagal diuruskan dengan baik dan lazimnya, dibuang ke dalam sungai atau tempat yang tidak sepatutnya," katanya dalam sidang akhbar selepas Program Keusahawanan Lestari-Penghasilan Roti Piza Berkalsium Tinggi di Auditorium Mahyuddin di sini hari ini.

Yang hadir sama, Penolong Setiausaha Bahagian Teras Sains dan Teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Rosmaini Mohamed serta Pengurus Koperasi Bukit Guntung, Nor Hanani Ismail.

**MOHD. SABRI MOHD. GHAZALI bersama Nor Fazliyana Mohtar (kanan) dan Yusnita Hamzah menunjukkan piza dihasilkan daripada bahan tulang ikan di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH**

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 16 OGOS 2016 (SELASA)

# Switch off from your phones, urges Sultan Nazrin

By QISHIN TARIQ
qishin.tariq@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The Sultan of Perak has encouraged the public to disconnect from their phones and spend more time on building their interpersonal relationships.

"One suggestion is to develop apps that encourage us to switch off after sending a message rather than continue online, to help return us to the crucial face-to-face relationship on which our humanity is built," said Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Delivering the keynote address at the International Conference for Science and Peace, he said mobile technology could be adversely affecting human relationships, quoting a study which showed youths who relied on text messaging became less able to hold face-to-face conversations.

"This undermines their development, which are honed in the messy back and forth of real conversation, not in the carefully crafted but superficial online performances," he said.

Sultan Nazrin also said that progress would require deliberate choices and action instead of the current complacency and widespread sense of helplessness in the face of a rapidly changing environment.

"If we are serious about championing peace, it cannot be business as usual," he said, adding that all parties from policy makers to scientists and industrial developers had a major responsibility in determining future scientific development.

He said the theme of the conference, *More for Peace, Less for War* was timely, as the world now was increasingly facing unprecedented threats as well as opportunities, thanks to science, technology and innovation (STI).

"STI has the potential to do immense harm and good. It is imperative we harness its power into providing solutions for human needs and prevent it from feeding human greed for power and wealth," he said.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said it should be a national agenda to nurture holistic science, technology, engineering and mathematics talents.

He said science also played a vital role in the field of "science diplomacy", through which Malaysia could be a champion of science for peace.

Yesterday, the Academy of Sciences Malaysia recognised 10 individuals as Top Research Scientist Malaysia (TRSM) 2016.

Academy president Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali said TRSM recipients would enjoy a range of benefits, such as better chances at securing research grants.

The 10 were Prof Dr Azman Hassan, Prof Dr Dominic Foo Chwan Yee, Prof Dr Latiffah Abdul Latiff, Prof Dr Liong Min Tze, Dr Loh Soh Kheang, Prof Dr Mazlan Hashim, Prof Dr Noor Hayaty Abu Kasim, Assoc Prof Dr Suzana Yusup, Prof Dr Tharek Abdul Rahman and Prof Dr Yvonne Lim Ai Lian.

Among the fields they specialised in included women's health and cancer prevention, green technology, wireless communication and neglected tropical diseases.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 16 OGOS 2016 (SELASA)

# Sultan Nazrin: Use science, technology for peace

KUALA LUMPUR: Poverty and inequality that drive conflict and violence may be tackled with solutions derived from science and technology, said the Sultan of Perak, Sultan Nazrin Shah.

He said there were existing and emerging technologies that could arrest or even reverse environmental degradation, reduce or eliminate exposure to disease, and contribute to raising levels of human development.

Renewable energy sources such as solar power could transform the lives of the poor while innovative applications of mobile telephony were having immensely positive impacts.

"In these and multiple other ways, the application of science and technology can help build peace and stability," said Sultan Nazrin in his keynote address at the International Conference on Science for Peace here yesterday.

Present among the audience at the conference organised by the Academy of Sciences Malaysia (ASM) was Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau.

At the event, Sultan Nazrin conferred the Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2016 award on 10 scientists from various universities and research institutes.

Among them were Professor Dr Azman Hassan of UTM, Dr Dominic Foo of University of Nottingham Malaysia Campus, Professor Dr Latiffah Abdul Latiff of UPM, Dr Lion Min Tze of USM, Dr Loh Soh Kheang of the Malaysian Palm Oil Board, Professor Dr Mazlan Hashim of UTM, Professor Dr Noor Hayaty Abu Kasim of UM, and Associate Professor Dr Suzana Yusup of Universiti Teknologi Petronas.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (FEATURE) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 16 OGOS 2016 (SELASA)

# Keeping electrical leakage at bay

## Company takes user-friendliness up a notch with its power protection system

story by
**KHYENTSE LEE**

metro@thestar.com.my

SAFETY is paramount when dealing with electrical appliances.

In fact, Malaysia and all Commonwealth countries follow the International Electrotechnical Commission (IEC/MS) standards for the use of electricity and electrical appliances, as well as Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (Sirim) product certification and Energy Commision (EC) approval for controlled items such as the residual current circuit breaker (RCCB), earth-leakage circuit breaker (ELCB) and residual current circuit breaker with overcurrent protection for the use of instant water heaters.

Despite this, an average of 29 people die every year from electrocution in Malaysia, according to the EC report.

Antishock chief technical officer Daniel Tan said the first key element to safety from electrical appliances is the earth conductor.

The company has been researching technology to combat the dangers of electrical leakage in electrical appliances for more than 20 years.

"The earth conductor draws residual current leakages to a safe place.

"Without it, residual current leakages may cause harmful electrical shocks if the human body comes in contact with a faulty appliance," he said.

Tan explained that the second key element was to keep residual currents from faulty appliances below 2.5mA, using an electrical shock test conducted by Underwriters Laboratories (UL) in the United States as reference.

"From this test, we can see that a current of 3.5mA or above already has the potential to cause harm to a human body.

"This is why our goal is to keep residual currents below 2.5mA," he said.

Incorporating these two key elements, Antishock has devised a power protection system, complying with the EC electricity regulation 1994 of 35 and 36, with a goal to ensure no one has to suffer fatal injuries from faulty electrical appliances again.





1 Daniel (left) and Antishock chief executive officer Aaron Tan have researched technology to combat the dangers of electrical leakage for more than 20 years.

2 IBES Antishock and IBES Smart DB system is an intelligent, innovative and user-friendly system.

The "IBES Antishock and IBES Smart DB system" is an intelligent, innovative and user-friendly system for electrical appliances and home power protection.

The system works by constantly checking whether there is a functionable ground conductor, or faulty appliances with a residual current exceeding 2.5mA (user defined).

If for some reason an electrical appliance, such as an instant water heater, losses ground conductor continuity or has a residual current exceeding 2.5mA, the system will automatically detect this and isolate the power source to between less than 30mS.

In short, the unique system will always ensure that the ground conductor is properly in place if electrical appliances are used.

Besides being safer than older methods of electrical safety which are generally operated manually, Tan added that they also took user-friendliness into consideration.

"From our research, we found that users generally don't know what to do when it comes to electrical maintenance.

"That is why we devised a system which has the function of self-diagnosis with an automatic power reset operation, so users don't have to manually maintain the system.

"We have also included a remote control feature which makes it even safer as users don't have to touch any existing wall mounted ELCB/RCCB for manual testing purposes monthly."

The new system is expected to be launched soon as Antishock already has a product certification issued by Sirim and EC from 2014, and recognition from existing clients.